

Panduan Untuk Majikan

---

# PAMPASAN KECEDEeraan SEMASA KERJA

---



# PENDAHULUAN

Panduan ini memberikan gambaran menyeluruh yang ringkas mengenai Akta Pampasan Kecederaan Semasa Kerja 2019 (WICA 2019) dan proses tuntutan untuk kemalangan semasa kerja pada atau selepas 1 September 2020\*. Ia turut menggariskan pindaan utama di bawah WICA 2019 (disorot sebagai **BARU!** ).

Maklumat terkandung di dalam panduan ini disediakan hanya untuk maklumat sahaja, dan tidak membentuk sebarang nasihat perundangan. Jika anda mempunyai sebarang keraguan, rujukan harus dibuat secara langsung kepada WICA 2019.

# KANDUNGAN

<b>GAMBARAN MENYELURUH AKTA PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA 2019</b> .....	<b>02</b>
WICA 2019 sepintas lalu .....	04
Siapakah yang dilindungi di bawah naungan WICA 2019 .....	05
<b>INSURANS PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA (WIC)</b> .....	<b>06</b>
Siapakah yang perlu membeli insurans WIC .....	08
Perkara untuk diambil perhatian mengenai insurans WIC .....	09
<b>MELAPORKAN KEJADIAN</b> .....	<b>10</b>
Apa yang hendak di maklumkan dan bila untuk memaklumkan sebuah kejadian ...	12
Bagaimana untuk memaklumkan sebuah kejadian .....	13
<b>PROSES TUNTUTAN PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA</b> .....	<b>14</b>
Bilakah pampasan perlu dibayar .....	16
Bagaimana untuk memastikan sama ada kemalangan itu layak dibayar pampasan di bawah naungan WICA 2019 .....	18
Apakah jenis-jenis pampasan yang boleh dituntut di bawah naungan WICA 2019 .....	20
Langkah-langkah untuk menuntut pampasan berikutan kehilangan upaya yang berkekalan (PI) dan kematian .....	23
<b>LAMPIRAN</b> .....	<b>28</b>
Lampiran A: Jadual Faktor Pendaraban Umur .....	29
Lampiran B: Ilustrasi mengenai kiraan jumlah pampasan .....	30
Lampiran C: Haruskah pihak Majikan melaporkan kejadian ini .....	32
Lampiran D: Senarai Kesalahan dan Penaltinya .....	33
Lampiran E: Senarai Semakan Kewajipan Majikan di bawah naungan WICA 2019 ...	34

**GAMBARAN  
MENYELURUH  
AKTA PAMPASAN  
KECEDERAAN  
SEMASA KERJA  
2019**

# APA ITU AKTA PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA 2019 (WICA 2019)

---

Di bawah naungan WICA 2019, seorang pekerja boleh menuntut pampasan daripada majikannya jika beliau mengalami kecederaan (turut termasuk keadaan kesihatannya) atau menghidap penyakit akibat pekerjaannya.

Sebagai majikan, anda bertanggungjawab untuk membayar pampasan ganti rugi kepada pekerja yang cedera, tanpa mengira siapa yang bersalah, walaupun pekerja anda itu sudah tidak lagi bekerja untuk anda selepas kemalangan semasa kerja itu.

**BARU!** Tuntutan WICA akan dikendalikan secara automatik oleh syarikat insurans yang telah dilantik\* di mana sesuai.

\*MOM akan mengambil alih tugas mengendalikan tuntutan untuk kes-kes tanpa syarikat insurans terlantik.



## Siapa yang dilindungi?

Semua pekerja, **dengan beberapa pengecualian**



## Apakah kewajipan saya?

- Memberitahu Kementerian Tenaga Manusia (MOM) tentang kemalangan yang berkaitan dengan kerja.
- Insuranskan liabiliti anda terhadap pekerja anda bagi kecederaan yang berkaitan dengan kerja.



## Apakah yang boleh dituntut oleh pekerja saya?

- Gaji Cuti Sakit
- Perbelanjaan Perubatan
- Bayaran sekaligus akibat kehilangan upaya yang berkekalan (PI) atau kematian.



## Berapakah jumlah yang boleh dituntut oleh pekerja saya?

Jumlah tertakluk kepada had-had seperti mana yang ditentukan di bawah WICA 2019.





## Yang Dilindungi

- Semua pekerja yang diambil bekerja di bawah “kontrak perkhidmatan” atau “kontrak perantisan” dengan sebuah majikan, tanpa mengira jumlah gaji.



## Yang Tidak Dilindungi

- Kakitangan berseragam - anggota Angkatan Tentera Singapura, Pasukan Polis Singapura, Angkatan Pertahanan Awam Singapura, Biro Narkotik Pusat dan Perkhidmatan Penjara Singapura.
- Bekerja sendiri atau kontraktor bebas
- Pekerja pembantu rumah



“Kontrak perkhidmatan” adalah sebuah perjanjian, secara bertulis atau lisan, di mana satu pihak bersetuju untuk mengambil satu pihak yang lain sebagai seorang pekerja.



**INSURANS  
PAMPASAN  
KECEDERAAN  
SEMASA KERJA  
(WIC)**



## INSURANS PAMPASAN KECEDEeraan SEMASA KERJA (WIC)

---

**BARU!** Sebagai majikan, anda dikehendaki undang-undang untuk membeli polisi insurans pampasan kecederaan semasa kerja (WIC) yang diluluskan daripada sebuah syarikat insurans yang telah dilantik yang telah diluluskan oleh MOM. Insurans WIC wajib dikenakan untuk semua pekerja buruh, dan pekerja bukan buruh yang berpendapatan pada kadar atau di bawah nilai ambang gaji yang ditetapkan.

Anda mungkin akan membeli beberapa polisi insurans untuk melindungi semua pekerja anda, namun anda dinasihatkan supaya memastikan semua pekerja di bawah kategori pekerjaan tertentu dilindungi oleh satu syarikat insurans yang telah dilantik.

Anda tetap bertanggungjawab untuk memberi pampasan kepada para pekerja ini atas kecederaan semasa kerja mereka. Anda digalakkan untuk membeli polisi insurans WIC untuk kumpulan pekerja-pekerja yang lain. Anda harus memastikan bahawa insurans WIC yang mencukupi untuk mengurangkan kesan kewangan daripada pembayaran pampasan.


## SIAPAKAH YANG PERLU MEMBELI INSURANS WIC

**BARU!** Mulai 1 April 2020, nilai ambang gaji untuk pekerja bukan buruh yang memerlukan insurans Pampasan Kecederaan Semasa kerja (WIC) akan meningkat dalam 2 fasa.

Perlindungan	Nilai ambang gaji pada dan selepas 1 April 2020	Nilai ambang gaji pada dan selepas 1 April 2021
Pekerja bukan buruh	\$2,100	\$2,600

## SIAPAKAH YANG PERLU MENDAPATKAN INSURANS WIC

Pihak majikan dikehendaki memastikan terdapat insurans WIC yang mencukupi untuk:




Bagi para pekerja lain yang **bukan pekerja buruh dengan pendapatan bulanan melebihi nilai ambang gaji**, para majikan mempunyai kelonggaran untuk memutuskan sama ada untuk membelikan insurans untuk mereka atau tidak. Sekiranya terdapat sebuah tuntutan yang sah, pihak majikan dikehendaki membayar pampasan itu jika tidak mempunyai perlindungan insurans untuk kumpulan pekerja ini.

## **BARU!** MEMBERIKAN BUTIRAN INSURANS WIC KEPADA SYARIKAT INSURANS TERLANTIK

Majikan perlu memberikan maklumat yang tepat\* dan dokumen-dokumen sokongan kepada syarikat insurans terlantik ketika pembelian dan pembaharuan polisi-polisi insurans WIC:

- Gaji tahunan syarikat
- Jumlah saiz tenaga kerja
- Sebarang maklumat lain yang diperlukan syarikat insurans terlantik untuk menaja jamin polisi-polisi mereka.



\*Kegagalan untuk menyediakan maklumat tepat boleh mengakibatkan pihak syarikat insurans terlantik meminta pampasan daripada pihak majikan atas apa yang telah mereka bayarkan.

## PERKARA UNTUK DIAMBIL PERHATIAN MENGENAI INSURANS WIC

### 1. Para pekerja anda mestilah dilindungi di bawah polisi insurans WIC yang diluluskan.

- ✓ Majikan harus membeli hanya polisi insurans WIC yang diluluskan daripada syarikat-syarikat insurans yang telah dilantik yang diluluskan MOM.
- ✓ Majikan digalakkan untuk memastikan bahawa semua pekerja dari kategori pekerjaan tertentu di bawah lindungan syarikat insurans yang telah dilantik yang sama.
- ✓ Polisi insurans WIC harus meliputi semua faedah-faedah di bawah WICA 2019.
- ✓ Termasuk gaji cuti sakit (iaitu, cuti pesakit luar, cuti hospital dan tugas ringan), perbelanjaan perubatan, dan bayaran sekaligus untuk PI dan kematian.

### 2. Semak perlindungan bagi pekerja dan kesahihan polisi

- ✓ Polisi harus menyatakan dengan tepat pekerjaan, gaji dan pekerja yang harus dilindungi.
- ✓ Polisi mesti diperbaharui sebelum tamat tempoh.

### 3. Syarikat insurans pihak majikan bertanggungjawab membayar apabila terdapat berbilang polisi insurans.

- ✓ Apabila berbilang kontraktor mempunyai insurans berasingan yang melindungi seorang pekerja yang mengalami kecederaan, syarikat insurans majikan akan menjadi yang pertama untuk menyahut tuntutan sekiranya terdapat sebuah tuntutan yang sah.

#### BARU!

Notis Taksiran (NOC) adalah dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh syarikat insurans kepada pihak tuntutan yang menyatakan hasil tuntutan pampasan kecederaan semasa kerja.

#### TIP BERGUNA



Sekiranya dalam keraguan, pihak majikan harus menghubungi syarikat insurans yang telah dilantik untuk mendapatkan penjelasan mengenai mana-mana terma yang digunakan dalam polisi insurans.

# MELAPORKAN KEJADIAN

## MELAPORKAN KEJADIAN

---

Sebagai majikan, anda dikehendaki di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (WSH) dan Akta Pampasan Kecederaan Semasa Kerja 2019 (WICA 2019) untuk melaporkan kejadian kepada pihak MOM.


Anda juga perlu memaklumkan syarikat insurans yang dilantik untuk anda dengan segera untuk mengelakkan penangguhan dalam proses tuntutan.

Bina prosedur laporan dalaman untuk pekerja anda memaklumkan kemalangan berkaitan kerja kepada anda dengan segera supaya anda boleh memaklumkan kepada pihak MOM bertepatan masa.

## APA YANG HENDAK DI MAKLUMKAN DAN BILA UNTUK MEMAKLUMKAN SEBUAH KEJADIAN

Di bawah Akta Pampasan Kecederaan Semasa Kerja 2019 (WICA 2019), pihak majikan **mesti memaklumkan semua kejadian** kepada MOM apabila pekerjanya:

Senario	Serahkan laporan kejadian secara dalam talian dalam masa <b>10 hari kalendar</b> dari:
i. Telah meninggal dunia dalam sebuah kemalangan semasa kerja	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tarikh kejadian itu</li></ul>
ii. Telah mendapat Penyakit Akibat Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menerima diagnosis bertulis tentang penyakit</li></ul>
iii. Telah mengalami kecederaan dalam kemalangan semasa kerja atau telah mengalami gangguan kesihatan (contohnya, strok/ serangan jantung) akibat kerja	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>BARU!</b> Tarikh apabila majikan pertama kali menerima notis kemalangan yang memerlukan pekerja untuk dimasukkan ke hospital atau diberikan cuti sakit atau tugas ringan.</li></ul>
iv. Menghidap penyakit akibat terdedah kepada agen kimia/ biologi di tempat kerja	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>BARU!</b> Tarikh apabila majikan pertama kali menerima notis kemalangan yang memerlukan pekerja untuk dimasukkan ke hospital atau diberikan cuti sakit atau tugas ringan.</li></ul>

 Jika pekerja itu kemudian meninggal dunia akibat kecederaan atau penyakit yang dialaminya, anda mesti memberitahu MOM sebaik-baik sahaja anda mengetahui tentang kematian itu di <http://www.mom.gov.sg/contact-us> dengan menyertakan nombor rujukan dan butiran kematian.



Rujuk kepada Lampiran C (ms.32) untuk contoh-contoh kejadian yang perlu dilaporkan.

## BAGAIMANA UNTUK MEMAKLUM SEBUAH KEJADIAN

Hantarkan laporan kejadian semasa bekerja di <http://www.mom.gov.sg/iReport>



Anda perlu menyediakan maklumat yang berikut:

1.



**Butiran tentang  
Kejadian atau  
Penyakit Akibat  
Kerja**

2.



**Butiran  
Pekerja yang cedera**

- Butiran peribadi
- Pekerjaan
- Nombor polisi insurans

3.



**Dokumen  
Sokongan**  
(contohnya, baucar gaji, jadual polisi insurans, dokumen perubahan)

**Jika anda tidak menghantarkannya secara online menurut garis masa yang ditetapkan:**



- Hantarkan laporan tanpa berlelah-lelah lagi



- Menyediakan penjelasan atas kelewatan laporan anda

Anda dikehendaki mengemaskini laporan kejadian apabila pekerja anda yang cedera diberikan cuti sakit dan/atau tugas ringan tambahan.



# PROSES TUNTUTAN PAMPASAN KECEDEeraan SEMASA KERJA

Pekerja anda mempunyai sehingga **setahun dari tarikh kemalangan** untuk menuntut gaji cuti sakit dan perbelanjaan perubatan.

Sebagai majikan, penting bagi anda memastikan bahawa pekerja anda menghadiri semua temu janji perubatannya dan menyediakan dokumen-dokumen yang perlu kepada syarikat insurans yang telah dilantik. Ini akan mempercepatkan penyelesaian tuntutan.

Kembali bertugas awal adalah yang terbaik. Bekerjasama bersama pekerja anda yang cedera, syarikat insurans yang telah dilantik dan doktor yang memberikan rawatan untuk memudahkan hasil ini.



## Proses Tuntutan Pampasan Kecederaan Semasa Kerja



1. Pekerja yang cedera semasa bekerja



2. Sediakan bayaran untuk rawatan dan Surat Jaminan (LOG)



3. Maklumkan kepada MOM tentang kemalangan melalui iReport



4. **BARU!** Tuntutan pampasan diproses secara automatik oleh syarikat insurans terlantik.



5. Bayar gaji cuti sakit dan belanja perubatan kepada pekerja



6. Terima borang laporan perubatan daripada syarikat insurans yang telah dilantik dan jelaskan bayaran biaya laporan perubatan kepada doktor yang merawat



7. Pastikan pekerja menghadiri semua temujanji perubatan




8. Tunggu penilaian doktor yang merawat



9. Aturkan tugas kerja yang sesuai untuk pekerja kembali bekerja.



10. **BARU!** Syarikat insurans yang telah dilantik untuk mengeluarkan Notis Taksiran (NOC) berdasarkan pada penilaian doktor yang merawat.




11. Pastikan pekerja menerima pampasan dalam masa 21 hari dari pengeluaran NOC jika tiada bantahan timbul.



## BILAKAH PAMPASAN PERLU DIBAYAR

Pampasan harus dibayar apabila pekerja:



- mendapat kecederaan akibat kemalangan yang timbul daripada dan semasa menjalankan pekerjaan

### Kemalangan

- Kejadian yang tidak diinginkan atau kejadian malang yang tidak dijangka
- Termasuk keadaan kesihatan dalaman yang menyebabkan kejadian malang berlaku semasa pekerja sedang bekerja

Apakah “kemalangan yang timbul **dari dan sepanjang masa** pekerjaan”?



### “Kehilangan Pekerjaan”

Kemalangan berlaku akibat beberapa risiko intrinsik dalam sifat pekerjaan pekerja itu.

### “Semasa Pekerjaan”

Kemalangan berlaku ketika pekerja sedang bekerja atau melakukan beberapa tugas sampingan yang wajar dilakukannya.

## BILAKAH PAMPASAN PERLU DIBAYAR (SAMBUNGAN)

---

Senario yang berikut memaparkan sama ada pampasan itu boleh dibayar:

1. Seorang pembantu pentadbiran pergi ke tandas.



2. Beliau tergelincir, terjatuh dan buku lalinya tercedera di tandas.



3. Walaupun kemalangan itu tidak berlaku disebabkan sifat kerja pekerja itu...



4. ...pekerja itu tercedera ketika sedang melakukan tugas sampingan yang wajar dilakukan dalam tugasnya.



---

Kemalangan itu **layak menerima pampasan di bawah WICA 2019.**





---

## BAGAIMANA UNTUK MEMASTIKAN SAMA ADA KEMALANGAN ITU LAYAK DIBAYAR PAMPASAN DI BAWAH NAUNGAN WICA 2019

Berikut adalah beberapa senario lazim yang mungkin layak atau tidak layak menerima pampasan di bawah WICA 2019:

Senario	Layak menerima pampasan di bawah WICA 2019
Pekerja telah bertemu kemalangan lalu lintas ketika menaiki kenderaan syarikat dalam perjalanannya antara rumah ke tempat kerja. Kenderaan itu bukan pengangkutan awam.	
Pekerja telah bertemu kemalangan lalu lintas berada dalam keretanya sendiri/kereta milik rakannya/pengangkutan awam dari rumah ke tempat kerja.	
Pekerja telah bertemu kemalangan lalu lintas semasa bekerja dan untuk tujuan kerja (contohnya, dalam perjalanan dari tempat kerja ke lokasi mesyuarat), tanpa mengira mod pengangkutan.	
A. Pekerja tidak melencong untuk melakukan tugas peribadi semasa dalam perjalanan ke tempat kerja dan untuk tujuan kerja, tanpa mengira jenis pengangkutan.	
B. Pekerja telah bertemu kemalangan ketika sedang melakukan tugas peribadi semasa dalam perjalanan ke tempat kerja dan untuk tujuan kerja, tanpa mengira mod pengangkutan.	
Pekerja, yang diambil bekerja oleh sebuah majikan tempatan sepanjang pekerjaannya, mengalami kecederaan semasa bertugas di luar negara.	
Seorang pelaut mengalami kecederaan semasa bekerja di atas sebuah kapal yang berdaftar di Singapura, tanpa mengira lokasi kapal itu.	

## BAGAIMANA UNTUK MEMASTIKAN SAMA ADA KEMALANGAN ITU LAYAK DIBAYAR PAMPASAN DI BAWAH NAUNGAN WICA 2019 (SAMBUNGAN)

Senario	Layak menerima pampasan di bawah WICA 2019
Pekerja mengalami kecederaan ketika berada di bawah pengaruh minuman keras atau ubat preskripsi yang tidak dipreskripsikan oleh seorang doktor.	
Sengaja mencederakan diri atau menambah keterukan kecederaan yang sedia ada pada diri sendiri.	
Pekerja cedera akibat bergaduh di tempat kerja.	
Pekerja cedera akibat bergaduh di tempat kerja – tetapi merupakan mangsa yang tidak terlibat di dalam pergaduhan itu, atau beliau mengalami kecederaan ketika mempertahankan diri, atau beliau telah diarahkan untuk menghentikan pergaduhan itu, melindungi jiwa/harta benda atau mengekalkan undang-undang dan ketenteraman.	



Rujuk kepada Jadual Kedua WICA 2019 untuk senarai penyakit-penyakit pekerjaan yang layak menerima pampasan.

# APAKAH JENIS-JENIS PAMPASAN YANG BOLEH DITUNTUT DI BAWAH NAUNGAN WICA 2019

## GAJI CUTI SAKIT

Jumlah Cuti Pesakit Luar/Tugasan Ringan	Jumlah Cuti Hospital	Gaji Cuti Sakit yang dikira berdasarkan
Sehingga 14 Hari	Sehingga 60 Hari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi MC, Pendapatan Bulanan Secara Purata (AME); <b>ATAU</b></li> <li>• Bagi <b>tugasan ringan</b><sup>1</sup>, ia adalah kekurangan (jika ada) dalam gaji sebenar pekerja untuk tempoh itu dibawah AME pekerja.</li> </ul>
Hari ke-15 dan seterusnya, sehingga 1 tahun dari tarikh kemalangan	Hari ke-61 dan seterusnya, sehingga 1 tahun dari tarikh kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi MC, 2/3 AME; <b>ATAU</b></li> <li>• Bagi <b>tugasan ringan</b><sup>1</sup>, ia adalah kekurangan (jika ada) dalam gaji sebenar pekerja untuk tempoh itu dibawah 2/3 AME pekerja</li> </ul>



### <sup>1</sup>Tugas Ringan:

- Pekerja sudah sihat untuk kembali bekerja, tetapi terhad kepada tahap aktiviti di tempat kerja.
- Kekurangan gaji cuti sakit boleh dibayar balik untuk kemalangan semasa kerja pada atau selepas 1 September 2020.

Jika ragu-ragu, semak dengan doktor anda mengenai jenis-jenis tugas ringan yang boleh dilakukan oleh pekerja.

## Berdasarkan Pendapatan Bulanan Secara Purata (AME) pekerja

**Kiraan AME**

+

+

+

**AME =** 
$$\frac{\text{Pendapatan sepanjang 12 bulan* lalu}}{12}$$

- \*Ini termasuk gaji kerja lebih masa, elaun makanan, bonus dan semua elaun lain yang dibayar untuk kerja sepanjang 12 bulan sebelum kemalangan.
- AME tidak termasuk caruman CPF majikan, wang yang telah dibayar untuk perbelanjaan khas yang berkaitan dengan pekerjaan anda (contohnya, elaun/bayaran balik perbelanjaan pengangkutan).
- Majikan mesti **membayar pekerja selewat-lewatnya pada hari gaji seterusnya**.
- Gaji cuti sakit tidak dibayar pada hari-hari tidak bekerja (contohnya, hari rehat dan cuti umum)

# APAKAH JENIS-JENIS PAMPASAN YANG BOLEH DITUNTUT DI BAWAH NAUNGAN WICA 2019 (SAMBUNGAN)

## PERBELANJAAN PERUBATAN

- Harus dibayar oleh majikan, sehingga had maksimum (lihat jadual di bawah)
- Mesti dirawat oleh seorang doktor atau doktor gigi yang berdaftar di Singapura.

Had Pampasan Maksimum	
Bagi kemalangan yang berlaku sebelum 1 Jan 2020	<b>BARU!</b> Bagi kemalangan yang berlaku pada dan selepas 1 Jan 2020
Sehingga <b>\$36,000</b> atau satu tahun daripada tarikh kemalangan, mana-mana terdahulu	Sehingga <b>\$45,000</b> atau satu tahun daripada tarikh kemalangan, mana-mana terdahulu



## CONTOH PERBELANJAAN PERUBATAN YANG LAYAK TERMASUK

- Bayaran perundingan perubatan
- Fisioterapi
- Ubat-ubatan
- Terapi pekerjaan & pertuturan dsb.
- **BARU!** \*Rawatan pergigian
- \*Rawatan yang memudahkan untuk kembali bekerja. Bayaran yang boleh dituntut termasuk untuk pengurusan kes, penilaian keupayaan fungsian dan penilaian tapak kerja

\*merujuk kepada kemalangan yang berlaku pada dan selepas 1 Jan 2020.

## APAKAH JENIS-JENIS PAMPASAN YANG BOLEH DITUNTUT DI BAWAH NAUNGAN WICA 2019 (SAMBUNGAN)

### PAMPASAN SEKALIGUS UNTUK KEHILANGAN UPAYA YANG BERKEKALAN (PI) DAN KEMATIAN

	Kehilangan Upaya yang Berkekalan (PI)	Pampasan Kematian		
Harus dibayar apabila...	Kecederaan atau penyakit mempunyai kesan kekal terhadap keupayaan pekerja untuk bekerja	Kecederaan yang telah menyebabkan kematian pekerja		
Harus dibayar kepada...	Pekerja yang tercedera	Tanggungan pekerja yang terkorban		
Formula untuk kiraan pampasan	Jumlah untuk dibayar = [AME pekerja] x [faktor pendaraban umur] <sup>1</sup> x [% Kehilangan Upaya yang Berkekalan] <sup>2</sup>	Jumlah untuk dibayar = [AME pekerja] x [faktor pendaraban umur] <sup>1</sup>		
	MIN  MAKS	MIN  MAKS		
Bagi kemalangan yang berlaku sebelum 1 Jan 2020	[\$88,000 x % PI]	[\$262,000 x % Kehilangan Upaya yang Berkekalan]	\$69,000	\$204,000
<b>BARU!</b> Fatau kemalangan yang berlaku pada dan selepas 1 Jan 2020	[\$97,000 x % Kehilangan Upaya yang Berkekalan]	[\$289,000 x % Kehilangan Upaya yang Berkekalan] <sup>3</sup>	\$76,000	\$225,000



Rujuk kepada Lampiran B (ms.30-31) untuk memahami lebih lanjut cara mengira jumlah pampasan untuk % PI.

<sup>1</sup>Rujuk kepada Lampiran A (ms.29) untuk senarai faktor pendaraban umur.

<sup>2</sup>% Kehilangan Upaya yang Berkekalan (PI) itu berdasarkan penilaian doktor selepas keadaan kesihatan pekerja menjadi stabil. Penilaian berdasarkan Panduan dalam "Panduan Penilaian Kecederaan Traumatik dan Penyakit Akibat Kerja untuk Pampasan Pekerja (GATIOD)".

<sup>3</sup>Jumlah ini mengecualikan 25% pampasan tambahan yang dibayar kepada pekerja yang mendapat ketidakupayaan kekal sepenuhnya untuk mengimbangi kos penjagaan pekerja yang mengalami kecederaan.



# LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENUNTUT PAMPASAN BERIKUTAN KEHILANGAN UPAYA YANG BERKEKALAN (PI) DAN KEMATIAN

Pekerja saya telah tercedera atau terkorban akibat kerja. Apakah yang harus saya lakukan sekarang?

**Kehilangan Upaya yang Berkekalan (PI)**

**Kematian**



## LANGKAH 1: Maklumkan Kemalangan itu

Hantarkan laporan ke MOM melalui <http://www.mom.gov.sg/iReport>  
Maklumkan syarikat insurans tertantik anda mengenai kemalangan itu.

- Sementara menunggu syarikat insurans tertantik anda menyelesaikan bayaran, anda mesti terus membayar gaji cuti sakit pekerja anda selewat-lewatnya pada hari gaji seterusnya. Dapatkan pembayaran balik daripada syarikat insurans tertantik anda kemudian nanti.

 Sijil Sakit

Jangan mempengaruhi doktor untuk memberikan cuti sakit yang lebih pendek daripada apa yang diperlukan. Pekerja yang mengalami kecederaan harus diberikan cuti sakit yang secukupnya untuk pulih.



# LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENUNTUT PAMPASAN BERIKUTAN KEHILANGAN UPAYA YANG BERKEKALAN (PI) DAN KEMATIAN (SAMBUNGAN)

## Kehilangan Upaya yang Berkekalan (PI)



## LANGKAH 2: Pengendalian Tuntutan

### Tuntutan automatik WICA untuk Pekerja

- **BARU!** Tuntutan pekerja untuk pampasan dikendalikan secara automatik di bawah WICA oleh syarikat insurans yang telah dilantik, sejourus selepas anda memaklumkan pihak MOM tentang kemalangan itu.
- **BARU!** Syarikat insurans yang telah dilantik akan menghantarkan kepada anda satu salinan borang laporan perubatan.
- Hantar borang laporan perubatan dan lunaskan bayaran laporan perubatan kepada hospital atau klinik.
- Hospital atau klinik akan memeriksa takat kecederaan pekerja.
- **BARU!** Sekiranya tiada laporan PI diterima selepas 6 bulan pertama, pihak hospital atau pakar kesihatan klinik boleh melengkapkan penilaian Kehilangan Upaya Semasa (CI) sejourus selepas penilaian telah dijalankan dan keadaan pekerja tidak berkemungkinan akan berubah secara ketara.
- Mendapatkan penilaian keadaan Kehilangan Upaya Semasa (CI) memendekkan masa menunggu untuk penilaian kehilangan upaya, dan pekerja itu akan dapat menerima pampasannya dengan lebih cepat.

### Pekerja menjalani pemeriksaan kesihatan

- Pastikan pekerja anda menghadiri semua temujanji perubatan.
- Ini akan mencepatkan lagi kadar penyembuhannya dan penyelesaian tuntutannya.
- Anda mesti membayar perbelanjaan perubatan atau mengemukakan Surat Jaminan (LOG), jika diperlukan oleh pihak hospital bagi rawatan dan ujian perubatan yang diperlukan untuk menilai takat kehilangan upaya yang berkekalan/semasa. Contohnya, pengimejan resonans magnetik (MRI) adalah satu ujian yang perlu dilakukan untuk menilai kecederaan tulang belakang, kecuali dinasihatkan sebaliknya oleh doktor.

## Kematian




### LANGKAH 2: Pengendalian Tuntutan

#### Hantar dokumen yang relevan kepada syarikat insurans terlantik

- Tuntutan pampasan diproses secara automatik di bawah WICA oleh syarikat insurans terlantik, sejurus selepas anda memaklumkan kepada pihak MOM tentang kematian.
- Sediakan dokumen-dokumen berikut:
  - » Sijil kematian
  - » Salinan polisi insurans WIC yang sah meliputi tarikh kemalangan semasa kerja
  - » Baucar gaji untuk tempoh 12 bulan sebelum kemalangan
  - » Butiran maklumat (para) waris terdekat
  - » Salinan passport untuk pekerja asing
- Syarikat insurans terlantik akan menghubungi waris terdekat anda untuk mendapatkan dokumen sokongan untuk menentukan identiti tanggungan.
- Anda, penyelia pekerja anda atau/dan rakan-rakan sekerja perlu menghadiri temuramah dengan pihak syarikat insurans terlantik untuk menilai jika tuntutan itu dapat diberikan pampasan.

# LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENUNTUT PAMPASAN BERIKUTAN KEHILANGAN UPAYA YANG BERKEKALAN (PI) DAN KEMATIAN (SAMBUNGAN)



## **BARU!** LANGKAH 3: Menerima Notis Taksiran (NOC)

- Selepas dokumen-dokumen yang diperlukan itu dikemukakan, jumlah pampasan akan dikira.
- Syarikat insurans terlantik akan mengeluarkan Notis Taksiran (NOC) untuk memaklumkan kepada anda, pekerja anda atau waris terdekat pekerja andatentang jumlah pampasan tersebut.
- Jika ada sesiapa yang membantah Notis itu, mereka mempunyai masa sehingga **14** hari untuk memberitahu MOM.
- Jika tiada apa-apa bantahan, anda atau syarikat insurans terlantik anda boleh dikehendaki membayar jumlah tersebut dalam masa **21** hari selepas Notis itu dikeluarkan.
- Faedah mungkin dikenakan atas bayaran lewat.





#### LANGKAH 4: Huraikan bantahan, jika ada

- Pihak yang membantah telah menyediakan dokumen sokongan untuk membuktikan bantahannya.
- Jika pertikaian itu masih tidak dapat diselesaikan, kes itu akan didengar di sidang pra-perbicaraan (PHC) di hadapan Penolong Pesuruhjaya (Pampasan Kecederaan Semasa Kerja).
- Jika pertikaian itu masih tidak dapat diselesaikan di PHC, kes itu akan ditingkatkan untuk dibicarakan di hadapan Penolong Pesuruhjaya (Pampasan Kecederaan Semasa Kerja).

- **Contoh-contoh bantahan:**

- » Kecederaan atau penyakit yang tiada kaitan dengan kerja (Berikan senarai saksi dan sebarang bukti sokongan yang lain, seperti gambar, video)
- » AME yang tidak tepat ditunjukkan di dalam Notis Taksiran (Sediakan baucar gaji dan kad masa)

- **Jika ada pihak yang membantah penilaian % PI yang diberikan oleh doktor yang menilai:**

- » Pekerja menjalani penilaian semula dengan sebuah panel yang dilantik oleh Lembaga Perubatan Pampasan Kecederaan Semasa Kerja.
- » Pihak yang membantah akan membayar kos Lembaga Perubatan (\$357) dan ujian-ujian yang lain yang diperlukan. Jika tidak dibayar tepat pada masa, bantahan itu akan digugurkan.
- » Keputusan Lembaga Perubatan adalah muktamad.

Setelah semua pertikaian diselesaikan, MOM akan mengeluarkan Perintah untuk anda atau syarikat insurans terlantik anda membayar pampasan dalam masa **21** hari selepas Perintah dikeluarkan.

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN A


### JADUAL FAKTOR PENDARABAN UMUR

Umur pekerja pada hari lahir seterusnya selepas kemalangan	Kehilangan Upaya yang Berkekalan (PI)	Kematian	Umur pekerja pada hari lahir seterusnya selepas kemalangan	Kehilangan Upaya yang Berkekalan (PI)	Kematian
14	181	136	41	142	107
15	180	135	42	140	106
16	179	135	43	138	105
17	178	134	44	136	104
18	178	134	45	134	103
19	177	133	46	132	102
20	176	132	47	130	101
21	175	132	48	128	100
22	174	131	49	126	98
23	173	130	50	124	96
24	172	129	51	122	94
25	170	128	52	120	92
26	169	127	53	118	90
27	168	127	54	116	88
28	167	125	55	114	86
29	165	124	56	111	84
30	164	123	57	108	82
31	162	122	58	105	80
32	160	121	59	102	78
33	159	120	60	99	75
34	157	118	61	96	72
35	155	117	62	92	68
36	153	115	63	87	63
37	151	114	64	82	58
38	149	112	65	77	53
39	146	110	66+	72	48
40	144	108	-	-	-

## LAMPIRAN B ILUSTRASI MENGENAI KIRAAN JUMLAH PAMPASAN

Had % Kehilangan Upaya yang Berkekalan (PI) dilaraskan sewajarnya untuk mendapatkan peratusan sebenar bagi peratusan PI yang dideritai oleh pekerja yang cedera itu.

Berikut adalah contoh untuk menggambarkan cara untuk membuat kiraan jumlah pampasan bagi % Kehilangan Upaya yang Berkekalan:



Profil pekerja yang mengalami kecederaan:

- 39 tahun pada hari lahir seterusnya\*
- 5% Kehilangan Upaya yang Berkekalan

Pekerja ini layak untuk mendapatkan pampasan dari **\$4,850 to \$14,450.**

Jadual di bawah ini menunjukkan bagaimana pampasan akan berbeza mengikut Pendapatan Bulanan secara Purata (AME) beliau.

Contoh	Faktor Pendaraban Umur (AMF)	% Kehilangan Upaya yang Berkekalan	Pendapatan Purata Bulanan (AME)	Pampasan dikira berdasarkan pada $AMF \times \%PI \times AME$
1	146	5%	\$450	$146 \times 5\% \times \$450 = \$3,285$
2			\$1,000	$146 \times 5\% \times \$1,000 = \$7,300$
3			\$2,000	$146 \times 5\% \times \$2,000 = \$14,600$

\*Rujuk kepada Lampiran A (ms.29) untuk Jadual Faktor Pendaraban Umur Dalam contoh ini, ia adalah 146.

\* **BARU!** Formula yang sama dikenakan apabila mengira pampasan Kehilangan Upaya Semasa (CI).





Had-had pampasan minimum dan maksimum berdasarkan % PI x had minimum/maksimum.	Pampasan Sebenar
<p>Had minimum: <math>5\% \times \\$97,000 = \\$4,850</math>            Had maksimum: <math>5\% \times \\$289,000 = \\$14,450</math></p>	<p><b>\$4,850</b>            (kerana pampasan yang dikira di bawah had minimum pampasan)</p>
<p>Had minimum: \$4,850            Had maksimum: \$14,450</p>	<p><b>\$7,300</b>            (kerana pampasan yang dikira lebih tinggi daripada minimum tetapi lebih rendah daripada had maksimum pampasan)</p>
<p>Had minimum: \$4,850            Had maksimum: \$14,450</p>	<p><b>\$14,450</b>            (kerana jumlah pampasan yang dikira melebihi had pampasan maksimum)</p>











**TIP  
BERGUNA**

Alat dalam talian (Alat Penilaian Diri WIC) untuk mengira pelbagai faedah pampasan yang terdapat di [www.mom.gov.sg/calculate-wic](http://www.mom.gov.sg/calculate-wic)

## LAMPIRAN C

### HARUSKAH PIHAK MAJIKAN MELAPORKAN KEJADIAN INI

Contoh	Laporan kejadian yang wajib diserahkan	
Seorang pekerja bertemu kemalangan lalulintas:		
A.	sewaktu berulang-alik semasa kerja dan untuk tujuan kerja (contohnya, dari tempat kerja ke lokasi mesyuarat), tanpa mengira jenis pengangkutan	
B.	ketika menaiki kenderaan syarikat untuk berulang-alik dari rumah ke tempat kerja Kenderaan itu bukan sebuah kenderaan awam	
C.	ketika melakukan tugas peribadi semasa atau selepas masa kerja dengan menggunakan kenderaannya sendiri (termasuk basikal), kenderaan rakannya/pengangkutan awam.	
D.	ketika memandu kenderaan sendiri/kenderaan syarikat untuk kerja, lalu bertemu kemalangan. Pekerja tidak cedera, tetapi seorang awam telah cedera dan dimasukkan ke hospital.	
Seorang guru sedang mengendalikan satu eksperimen makmal dan tabung ujinya pecah berkecai menyebabkan guru itu luka dan diberikan cuti sakit pesakit luar selama 4 hari.		
Seorang pekerja, yang diambil bekerja oleh sebuah majikan Singapura dan beliau menetap di Singapura, telah mengalami kecederaan berkaitan kerja semasa bertugas di luar negara .		
Seorang pelaut mengalami kecederaan semasa bekerja di atas sebuah kapal yang berdaftar di Singapura, tanpa mengira lokasi kapal itu.		
Seorang pekerja binaan tergelincir dan jatuh, mengakibatkan tulang kakinya retak. Beliau pada mulanya telah diberikan cuti sakit selama 2 hari, tetapi kemudiannya diberikan cuti sakit selama 2 minggu.		

\*Ini dengan syarat kriteria pelaporan lain dipenuhi, iaitu pekerja yang cedera dalam kemalangan semasa kerja:

- Meninggal dunia, atau
- **BARU!** Diberikan sebarang cuti sakit atau tugas ringan

## LAMPIRAN D SENARAI KESALAHAN DAN PENALTIANYA



Kesalahan	Penalti
Gagal memberitahu MOM mengenai kemalangan yang sepatutnya dilaporkan dalam had masa yang ditetapkan	<p>Kesalahan Pertama – Denda sehingga \$5,000;</p> <p>Kesalahan kedua atau seterusnya – Denda sehingga \$10,000 dan/atau penjara sehingga 6 bulan</p>
Gagal menginsuranskan kumpulan-kumpulan pekerja yang wajib di bawah polisi insurans WIC yang diluluskan dengan syarikat insurans terlantik.	<p>Kesalahan Pertama – Denda sehingga \$10,000 dan/atau penjara sehingga 12 bulan</p> <p>Kesalahan kedua atau seterusnya – Denda sehingga \$20,000 dan/atau penjara sehingga 12 bulan</p>
Gagal untuk membayar pampasan	<p><b>BARU!</b> Kesalahan Pertama – Denda sehingga \$15,000 dan/atau penjara sehingga 12 bulan</p> <p>Kesalahan kedua atau seterusnya – Denda sehingga \$30,000 dan/atau penjara sehingga 12 bulan</p>
Memberi maklumat atau kenyataan palsu	<p>Kesalahan Pertama – Denda sehingga \$5,000 dan/atau penjara sehingga 6 bulan</p> <p>Kesalahan kedua atau seterusnya – Denda sehingga \$10,000 dan/atau penjara sehingga 6 bulan</p>

## LAMPIRAN E

### SENARAI SEMAKAN KEWAJIPAN MAJIKAN DI BAWAH NAUNGAN WICA 2019

i. Insurans	✓
Kekalkan polisi Insurans Pampasan Kecederaan Semasa Kerja (WIC) yang diluluskan untuk pekerja-pekerja tempatan dan pekerja-pekerja asing anda.	
Pastikan bahawa insurans WIC yang diluluskan itu mencerminkan pekerja-pekerja yang dilindungi.	
Periksa fasal pengecualian dan fasal pemulihan berkaitan kerja. Jika dalam keraguan, hubungi syarikat insurans terlantik anda untuk mendapatkan penjelasan mengenai sebarang terma dalam polisi insurans WIC.	
ii. Laporkan kemalangan	
<b>BARU!</b> Hantarkan laporan kejadian kepada MOM dalam masa 10 hari dari tarikh pertama kali anda menyedari kemalangan yang memerlukan pekerja anda dimasukkan ke hospital atau diberi cuti sakit atau tugas ringan.	
Beritahu syarikat insurans yang telah dilantik anda tentang kejadian itu.	
iii. Pampasan	
Bayar gaji cuti sakit kepada pekerja anda selewat-lewat pada hari gaji seterusnya, jika tidak, pembayaran hendaklah dibuat dalam masa 14 hari daripada resit asal sijil-sijil sakit itu.	
Lunaskan kos/perbelanjaan perubatan dengan cepat supaya rawatan perubatan pekerja anda tidak dilengahkan.	
iv. Komunikasi	
Terangkan kepada pekerja anda hak dan kelayakan mereka di bawah WICA 2019. Sekiranya maklumat tidak diberikan tepat pada masa, mereka boleh mengambil khidmat guaman.	
Tunjukkan keprihatinan dan sokongan kepada pekerja anda ketika beliau sedang dalam pemulihan daripada kecederaannya.	

v. Pengurusan Kecederaan	
Pastikan pekerja anda menghadiri semua temujanji perubatan.	
Berikan tugas yang sesuai untuk menyokong pemulihan pekerja anda yang cedera, di tempat kerja atau pulang semula untuk bekerja.	
Bayar untuk pemeliharaan dan penyelenggaraan pekerja asing anda, termasuk rawatan perubatan dan penginapan yang munasabah sehingga dia dihantar pulang ke negara asalnya..	
Jangan hantar pulang pekerja asing anda sekiranya MOM mengkehendaknya untuk berada di Singapura untuk tujuan tuntutan pampasan kecederaan semasa kerja.	
vi. Kesimpulan Kes	
Sekiranya tiada bantahan ke atas Notis Taksiran (NOC), sila buat susulan dengan syarikat insurans yang dilantik dan pastikan pekerja yang cedera menerima pampasannya (jika ada) dalam masa 21 hari dari pengeluaran NOC.	
Sekiranya ada bantahan, sila hadir semua mesyuarat supaya pertikaian itu dapat diselesaikan.	





Untuk maklumat lanjut, kunjungi laman sesawang kami  
[www.mom.gov.sg](http://www.mom.gov.sg)

DIKEMASKINI PADA JANUARI 2021

Maklumat yang disediakan dalam panduan ini tepat pada masa cetakan. Panduan ini menyediakan maklumat kepada para majikan mengenai Pampasan Kecederaan Semasa Kerja dan tanggungjawab mereka di bawah Akta Pampasan Kecederaan Semasa Kerja 2019 (WICA 2019). Buku ini adalah sebagai panduan dan tidak mempunyai kedudukan undang-undang. Jika anda mempunyai sebarang keraguan, sila rujuk kepada WICA 2019.

©2021 Pemerintah Singapura (Kementerian Tenaga Kerja).  
Hak cipta terpelihara.